

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah pelan perancangan Kementerian bersama Kementerian Komunikasi Dan Multimedia dalam menaik taraf sistem pembelajaran talian internet pelajar terutamanya yang berada di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa peka kepada isu berkaitan dengan talian internet yang dalam situasi sekarang ini amat penting bagi membolehkan para pelajar menjalani pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian. Sebagai respon kepada perkara ini, KPT secara aktif telah membuat kajian ketersediaan infrastruktur dan infostruktur ICT di Universiti Awam dengan kerjasama Majlis Pengarah ICT Universiti Awam (MAPITA). Satu daripada hasil kajian tersebut menunjukkan terdapatnya isu capaian internet terutamanya bagi pelajar yang berada di luar bandar yang sedikit sebanyak menjejaskan PdP dalam talian. Melihat kepada kepentingan isu ini, KPT terus mengambil langkah mengadakan kerjasama strategik dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bagi mencari jalan penyelesaian terbaik.

Mengikut statistik terkini, KKMM melalui Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membina pusat internet komuniti (PIK) sebanyak 873 buah di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kementerian telah pun berkongsi maklumat keberadaan PIK ini

kepada 20 universiti awam supaya setiap pelajar yang berada di luar bandar memanfaatkan sepenuhnya PIK ini untuk akses kepada internet.

Selain itu, SKMM dan KKMM telah menggerakkan inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara atau JENDELA bagi meningkatkan tahap kesalinghubungan serta kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara melalui pembangunan infrastruktur yang lebih cepat dan menyeluruh. Projek ini turut memberikan keutamaan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi di Sabah dari tahun 2020 hingga 2022 yang secara tidak langsung dapat memberikan manfaat kepada pelajar IPT (Institut Pendidikan Tinggi) di Sabah. Terdapat penambahan sebanyak 382 menara komunikasi baharu yang sedang dirancang dan penaiktarafan 924 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) turut dilaksanakan. Kejayaan pembangunan infrastruktur komunikasi di bawah JENDELA adalah penting untuk menjadi landasan transformasi digital demi kelangsungan sosioekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada kerjasama dengan KKMM, KPT juga telah melancarkan pakej pelan data dan peranti kepada pelajar IPT pada 30 Oktober 2020 yang lalu. KPT juga dengan kerjasama pihak IPT telah melaksanakan inisiatif- inisiatif berikut:

- a) Bantuan Kewangan Prihatin *One-Off* **RM50** kepada **76,153 pelajar baharu** Universiti Awam (UA) bagi Sesi Akademik 2020/2021 bagi tujuan langganan awal pelan data dengan peruntukan **RM3.8 juta**;
- b) Bantuan pelan data berbentuk kad sim atau sumbangan tunai kepada **320,396 pelajar UA** dari golongan B40 dengan anggaran peruntukan sebanyak **RM 24 juta**;
- c) Bantuan memiliki peranti atau bantuan pinjaman kewangan kepada **8,965 pelajar UA** dari golongan B40 (bersasar) dengan anggaran peruntukan **13.4 juta**; serta

- d) Bantuan pakej-pakej pelan data dan peranti istimewa kepada **semua pelajar IPT, iaitu UA, IPT swasta serta Politeknik dan Kolej Komuniti** dengan kerjasama rakan strategik, iaitu Celcom, Digi, TM Unifi, Maxis, Acer dan Samsung.

KPT menghargai peranan yang dimainkan oleh semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan hasrat KPT untuk memastikan tiada pelajar yang tercicir daripada mengikuti PdP masing-masing di samping menjaga kebajikan dan kesejahteraan pelajar yang terkesan dengan pandemik COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.